

## KERAJAAN PAHANG AKAN KELUARKAN BAUCER PENGINAPAN KEPADA PELANCONG

**BENTONG, 12 OGOS 2021 :** Kerajaan Pahang akan mengeluarkan baucer kepada para pelancong yang menginap di pusat penginapan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, dan Perladangan dan Komidiiti Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Mohd. Sharkar Shamsudin berkata bantuan ini adalah yang pertama kali diberikan oleh Kerajaan Pahang.

“Akan ada baucer yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM30 dan RM20 kepada para pelancong yang menginap di hotel atau chalet di negeri ini.

“Baucer ini boleh diguna oleh pelancong untuk mengurangkan jumlah bayaran penginapan mereka. Contohnya bilik yang diambil berharga RM130, bila dapat baucer RM30, mereka perlu bayar RM100 sahaja,” katanya ketika ditemui semasa Majlis Penyampaian Bantuan Prihatin Pahang (BPP) kepada pemandu pelancong dan pengusaha pusat penginapan di Chalet MamaPapa, di Janda Baik.

Turut hadir, Pengurus Besar Tourism Pahang, YBhg. Encik Kamaruddin Ibrahim; Pegawai Tourism Malaysia Wilayah Timur, Encik Hafiz Hazin; dan Pegawai Daerah Bentong, YH. Dato' Mohd Zulkifli Hashim.

Beliau berkata bagi mendapatkan baucer ini, para pelancong perlu memohon melalui aplikasi PahangGo terlebih dahulu.

“Walaubagaimanapun, baucer ini hanya cover (untuk) kepada hotel-hotel bajet sahaja dan akan automatik dapat bila mereka apply (mohon),” katanya.

Menurut beliau lagi, bantuan baucer ini adalah percubaan kali pertama Kerajaan Negeri dan akan diteruskan sekiranya dilihat menggalakkan.

Sementara itu, seorang penerima Bantuan Prihatin Pahang (BPP), Tuan Haji Muhamed Atal Haji Abd Manap, 71, pemilik KZ@JB Homestay melahirkan rasa terima kasih dengan sokongan yang diberikan kepada pemain industri pelancongan.

“Dah tiga kali pemberian bantuan yang kita terima. Jadi ia dapatlah menampung serba sedikit kekurangan perusahaan kita even though kita di dalam ini tak boleh berniaga.

“Jadi kami berharaplah perancangan Tourism Pahang ini untuk kami bermula semula, dan kami sedang membuat persediaan sekarang ini,” katanya yang juga merupakan pemandu pelancong sejak 15 tahun lepas.

Menurut Puan Nurul Aswad Akib, 39, yang merupakan pemandu pelancong bagi 101 Resort di Janda Baik mengucapkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri di atas bantuan yang disalurkan.

“Terima kasih Kerajaan Negeri dengan bantuan ini memandangkan saya dah hampir setahun tak bekerja sebagai pemandu pelancong, sebelum ini Kerajaan Negeri dah bagi tiga kali bantuan.

“Bila dapat tahu kita boleh buka resort semula, rasa sangat gembiralah. Kami mengalu-alukan pembukaan ini dan kami juga telah bersedia dengan memastikan semua pekerja kami telah menerima suntikan penuh vaksin sebelum pembukaan semula sektor pelancongan ini,” katanya. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#UKOMP

Oleh : Ain Nadhirah Basha

Foto : Putera Falliq Hakim Suhairi

**(LIPUTAN BERGAMBAR)**



 PAHANG MEDIA  
PUTERA FALLIQ HAKIM